



Panduan membuat tokokan sukarela ke Akaun MediSave

Tokokan tunai anda melalui PayNow biasanya dikreditkan hampir serta-merta
Anda boleh menyemak status transaksi anda dalam talian

Imbas QR atau lawati cpf.gov.sg untuk membuat tokokan.



cpf.gov.sg/topupmedisave

- i) Ikuti arahan untuk melengkapkan borang permohonan
- ii) Semak semula permohonan anda dan klik “Serah”. Selepas anda mengklik “Serah”, kod QR PayNow akan dijana untuk anda melengkapkan bayaran.
- iii) Log masuk ke aplikasi mudah alih bank anda, imbas kod QR yang dijana dengan aplikasi mudah alih bank anda dan sahkan pembayaran tersebut.
- iv) Anda boleh ikuti langkah-langkah di halaman 2 hingga 4 untuk panduan membuat bayaran QR PayNow.

Pautan berguna yang lain

- Lawati [laman web](#) IMDA untuk mengetahui lebih lanjut tentang e-Bayaran dan Perbankan Digital
- Lawati [SG Digital community hub](#) yang terdekat untuk mendapatkan panduan secara individu daripada duta digital IMDA

Bagaimanakah cara membuat bayaran menggunakan QR PayNow?

Selepas anda melengkapkan borang "Tokok Akaun MediSave", kod QR PayNow akan dijana.

Langkah 1: Imbas kod QR

Anda mempunyai dua pilihan untuk meneruskan:


Pilihan A: Imbas terus dengan telefon anda

- Buka aplikasi perbankan anda.
- Cari ikon "Imbas & Bayar" di skrin utama.
- Imbas kod QR PayNow yang dijana untuk transaksi tersebut.

Pilihan B: Simpan dan muat naik kod QR

Jika anda menggunakan peranti yang sama untuk penyerahan dan bayaran:


- Klik "Simpan kod QR"
- Buka aplikasi perbankan anda
- Pilih ikon "Imbas & Bayar" (Cari di skrin utama aplikasi perbankan).
- Muatkan kod QR yang disimpan daripada galeri foto.



Langkah 2: Sahkan Butiran Bayaran

Selepas kod QR PayNow diimbas, aplikasi perbankan anda akan memaparkan butiran berikut:

- i) Nama penerima: Ini akan menyatakan organisasi yang anda akan bayar iaitu " CPF Voluntary Contributions".
- ii) Jumlah perlu dibayar: Anda perlu memastikan bahawa jumlahnya sama seperti yang telah anda nyatakan dalam borang
- iii) Nombor rujukan transaksi: Ini adalah nombor unik yang dijana untuk penyerahan anda.



Penting

Jika terdapat maklumat yang tidak betul, sila batalkan bayaran dan buat tokokan lagi. Penyerahan akan dibatalkan jika bayaran tidak diterima pada hari yang sama.

Langkah 3: Sahkan Bayaran

Aplikasi perbankan anda mungkin meminta anda mengesahkan bayaran. Ikuti arahan untuk melengkapkan pengesahan.

Anda boleh log keluar daripada aplikasi perbankan anda selepas bayaran berjaya dibuat.



1.00 SGD paid

To
CPF VOLUNTARY CONTRIBUTIONS [Share](#)
UEN • T08GB0007ECVC

Message
QAVM4505003641053168

When
01 Sep 2025

[See transaction details](#)

Transaction ID: 2509010117147177

[Log out](#)

Langkah 4: Pengesahan bayaran

Selepas bayaran berjaya, anda akan menerima e-mel pengesahan di alamat e-mel dalam rekod kami.

Anda juga boleh log masuk ke cpf.gov.sg untuk menyemak "Aktiviti" atau sejarah transaksi anda.

Perlukan Bantuan? Jika anda menghadapi masalah untuk mengimbas kod QR PayNow, sila hubungi bank anda untuk mendapatkan bantuan.